

Hijrah bukan sekadar transformasi hati

Pemimpin perlu tunai tanggungjawab, tunjuk contoh baik untuk diteladani rakyat

JIKA tidak berani berubah, tiada siapa boleh berhijrah. Hijrah bukan sekadar transformasi hati. Ia mesti berbekal kesediaan meningkatkan taraf hidup sederhana kepada yang lebih cemerlang baik dari segi ekonomi mahupun transaksi sesama insani.

Jika negara mencambahkan dakwah unggul pada peringkat global dengan penghijrahan pembangunan mental dan fizikal, setiap warga harus bersedia melonjakkan jenama negara ini di arena antarabangsa. Bukan saja dengan identiti Malaysia yang penuh warna malah sebagai manusia yang bermanfaat kepada makhluk Allah lain.

Banyak ruang boleh diisi untuk menunjukkan teladan kepada masyarakat luar. Ia bukan dengan mewarisi budaya dan sosial yang bertentangan dengan agama dan norma setempat. Sebaliknya, dengan menjadi individu yang layak diteladani kerana ilmu, sosial, ekonomi dan akhlak berpaksikan pegangan agama dan nilai murni.

Rakyat Malaysia bermastautin di luar negara khususnya, perlu mengambil peluang memperkenalkan negara sebagai tempat melahirkan insan cemerlang akal dan sahsiah, yang menjadi qudwah hasanah.

Islam adalah agama rasmi negara ini. Imej Islam tercemar kerana kerakusan segelintir umatnya yang ekstrim dan tidak berhikmah dalam muamalah sesama insan perlu dipulihkan setiap Muslim. Biar pun tidak memberi impak besar, ia tidak menjadi masalah, kerana komitmen dan iltizam lebih utama.

Modul perpaduan contohnya, bukan sebarang agenda yang mampu direalisasikan mana-mana negara, lebih-lebih lagi negara yang jurang majoriti kaumnya terlalu jauh. Per-



PEMIMPIN keluarga perlu bertanggungjawab dan menjadi contoh baik supaya anak menjadi insan yang bertakwa kepada Allah apabila dewasa kelak.

bezaan agama dan budaya menyunkarkan kesefahaman dan keharmonian. Tetapi Malaysia sangat bertuah kerana kelainan agama dan budaya menjadikan setiap warganya cuba mencari persamaan.

Bersenang-lenang dengan apa yang ada pada hari ini kesilapan yang tidak patut diulangi. Jika kita membuka mata seluas-luasnya, tentu kita tidak menganggap kita masyarakat paling baik di dunia. Sebenarnya, banyak pengajaran boleh dipelajari dari dunia luar, bukan dengan mengadaptasi budaya mereka yang tidak serasi dengan norma, tetapi mengambil iktibar

daripada akhlak mereka yang sinonim dengan ajaran agama.

Lalai dan cuai serta berpuas hati dengan apa yang ada memberi kerugian kepada kita sedangkan laba diingini ramai orang. Bukan saja rakyat, pemimpin juga perlu menunjukkan teladan, sesuai dengan transformasi negara sempena Maal Hijrah tahun ini.

Pemimpin masyarakat yang lalai daripada bertanggungjawab boleh menggadaikan tanah air ke tangan asing dan menumbangkan struktur organisasi yang dibina dengan nilai murni. Pemimpin rumah tangga yang leka boleh meruntuhkan ins-

titusi kekeluargaan yang utuh dengan persefahaman, tolak-ansur serta menghilangkan rasa hormat yang selayaknya diterima daripada marhain yang dipimpin.

Sifat memimpin tidak terbina tanpa ilmu dan akhlak. Menyeru kebaikan dan mengingkari kejahatan kerana janji kepada Allah sebagai khalifah yang meneruskan kesinambungan 'khaira ummah'.

Jika pemimpin berkenaan sendiri melakukan kerosakan di muka bumi, sudah tentu sukar untuk membina sebuah kehidupan yang harmoni kerana maksiat dan kejahatan kepada Yang Esa hanya

menjanjikan kecelakaan.

Justeru, pemimpin keluarga yang mengetuai satu unit masyarakat perlu berani berubah seiring hijrah. Latihan kepemimpinan bermula dengan mengatur keperluan ahli keluarga dan menunaikan tanggungjawab ahlinya membantu seseorang ketua menjadi pemimpin yang boleh diteladani.

Sekali lagi, jangan sesekali lalai dengan masa, kerana ia merugikan ramai orang. Pada saat anak sudah mesra dengan maksiat, pemimpin keluarga baru hendak beringat tetapi tentulah semuanya sudah terlambat. Laporan mengenai remaja berzina pada usia belasan tahun amat mengejutkan. Pasti mereka mempunyai pemimpin dalam keluarga. Mana mungkin itu terjadi jika pemimpin tidak cuai menjalankan tugas. Bayi tidak berdosa di buang merata-rata adalah petanda ada sesuatu yang tidak kena dalam kepemimpinan keluarga hari ini. Pergaulan bebas bukan saja berlaku di kota malah di desa yang warganya saling mengenali.

Sempena tahun baru yang sudah beberapa hari kita tempuh, setiap warga Malaysia harus menanam tekad dan hasrat menjadi pemimpin yang membina 'rakyat' dalam dirinya dengan akidah, akhlak dan muamalah yang diseru agama. Justeru, tiada siapa menunding jari kepada orang lain seandainya sahsiah diri tidak berseri dengan peribadi mulia, kerana orang pertama yang harus dipersalahkan ialah diri sendiri.

Penulis ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia, kini melanjutkan pelajaran di United Kingdom

GAMBAR: HUSAN